

# KEBANGKITAN DAN KEJATUHAN AUNG SAN SUU KYI DI MYANMAR (1988-2021): SATU ANALISIS

(THE RISE AND FALL OF AUNG SAN SUU KYI IN MYANMAR (1988-2021): AN ANALYSIS)

TINGKAS, E. B.<sup>1</sup> – DE SILVA, M.<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

*\*Corresponding author  
e-mail: maureend[at]ums.edu.my*

(Received 18<sup>th</sup> January 2024; accepted 06<sup>th</sup> April 2024)

**Abstrak.** Aung San Suu Kyi, lambang hak asasi manusia dan demokrasi di Myanmar, telah melalui perjalanan politik yang penuh gelora, yang memuncak semasa kepimpinannya ke atas Liga Kebangsaan Demokrasi (NLD) dari tahun 2015 hingga rampasan kuasa militari pada tahun 2021. Dianugerahkan dengan Hadiah Nobel Keamanan atas perjuangan tanpa kekerasan menuntut demokrasi dan hak asasi manusia, beliau telah diraikan dan dikritik dalam ukuran yang sama. Kajian kualitatif ini dengan menggunakan analisis sejarah, mengkaji legasi Aung San Suu Kyi, dengan menekankan usahanya untuk meneruskan aspirasi ayahnya, Jeneral Aung San, dan peranan pentingnya dalam arena politik Myanmar. Namun, ketidakupayaannya dalam menangani krisis Rohingya dan strateginya dalam berurusan dengan junta militari Myanmar telah menyebabkan penilaian semula terhadap kepimpinannya. Artikel ini menyumbang kepada wacana tentang Aung San Suu Kyi dengan menawarkan perspektif yang seimbang tentang pencapaiannya dan tentangan yang telah mencemarkan imejnya sebagai simbol perdamaian dan demokrasi.

**Katakunci:** *Aung San Suu Kyi, Myanmar, hak asasi manusia, demokrasi, junta militari*

**Abstract.** Aung San Suu Kyi, a beacon of human rights and democracy in Myanmar, has navigated a tumultuous political journey, culminating in her leadership of the National League for Democracy (NLD) from 2015 until a military coup in 2021. Awarded the Nobel Peace Prize for her non-violent struggle for democracy and human rights, she has been celebrated and critiqued in equal measure. This qualitative study, employing historical analysis, explores Suu Kyi's legacy, emphasizing her efforts to continue her father General Aung San's work and her pivotal role in Myanmar's political arena. However, her inability to address the Rohingya crisis and her strategies in dealing with Myanmar's military junta have led to a reevaluation of her leadership. This article contributes to the discourse on Suu Kyi by offering a balanced perspective on her achievements and the challenges that have tarnished her image as a symbol of peace and democracy..

**Keywords:** *Aung San Suu Kyi, Myanmar, human rights, democracy, military junta*

## Pengenalan

Perjalanan perjuangan politik Aung San Suu Kyi penuh dengan warna warni dan Aung San Suu Kyi juga dianggap sebagai Nelson Mandela versi wanita. Masyarakat antarabangsa memandang tinggi Aung San Suu Kyi bukan hanya kerana dia adalah anak kepada Jeneral Aung San, seorang tokoh berpengaruh yang bertanggungjawab membawa kemerdekaan Burma daripada pihak British, namun juga kerana Aung San Suu Kyi adalah seorang wanita, isteri dan ibu. Lebih daripada itu, di mata rakyat Myanmar, Aung San Suu Kyi meletakkan kepentingan negara dan rakyat Myanmar mengatasi segala-galanya. Aung San Suu Kyi dianggap sebagai seorang negarawan yang terbilang dan Ibu oleh rakyat Myanmar. Pengorbanan yang dilakukan oleh Aung

San Suu Kyi dapat dibuktikan apabila Aung San Suu Kyi mengambil keputusan untuk tidak menghadiri upacara pengkebumian mending suaminya iaitu Michael Aris yang meninggal dunia pada tahun 1999 di United Kingdom. Pada titik inilah, Aung San Suu Kyi harus membayar sebuah nilai perjuangan semata-mata untuk mengembalikan semula demokrasi di Myanmar. Keengganan Suu Kyi untuk meninggalkan Myanmar sekalipun diberikan lampu hijau oleh pihak junta untuk melawat suaminya memberikan satu persepsi betapa mendalamnya kecintaan Aung San Suu Kyi terhadap Myanmar dan rakyatnya.

Sebagai tokoh ikonik yang menjadi wajah perjuangan demokrasi Myanmar, Aung San Suu Kyi turut tidak terlepas daripada berhadapan dengan situasi sukar dan diluar jangkaan. Tatkala Aung San Suu Kyi membuat keputusan untuk terjun ke dalam dunia politik dan menjadi suara yang mewakili rakyat Myanmar untuk menuntut pihak junta mengembalikan semula pentadbiran negara berpaksikan kepada sistem demokrasi telah meletakkan kedudukan Aung San Suu Kyi sebagai ikon wanita pertama Myanmar yang berani mengkritik pemerintahan junta. Kehidupan Aung San Suu Kyi berubah secara drastik 360 darjah, dari seorang wanita biasa yang menjalani kehidupan sebagai ibu suri rumah tangga yang berperanan menjaga keluarga kini Aung San Suu Kyi merupakan sosok yang diletakkan harapan oleh rakyat Myanmar sebagai pejuang untuk membebaskan Myanmar dari cengkaman pihak junta yang dianggap menindas rakyat. Namun demikian, pendekatan berdiam diri Aung San Suu Kyi tatkala diajukan soalan melibatkan masyarakat Rohingya ternyata merupakan petunjuk awal kepada kemerosotan populariti Aung San Suu Kyi sebagai ikon demokrasi. Isu Rohingya merupakan isu kontroversi yang mendedahkan sisi gelap negara yang majoriti penduduknya adalah beragama Buddha dan mencalar kredibiliti Aung San Suu Kyi sebagai pejuang hak asasi manusia yang menolak keganasan sebagai jalan penyelesaian.

Pendekatan tanpa menggunakan keganasan dan mengangkat senjata ini merupakan satu cara dalam membuktikan bahawa keganasan bukanlah jalan penyelesaian mutlak untuk setiap permasalahan yang berlaku. Antara tokoh lain yang terkenal dengan pendekatan “non-violence” ini ialah Mahatma Gandhi yang juga merupakan pejuang kebebasan India dari penjajahan kuasa kolonial British (1869-1948) dan juga Nelson Mandela (1918-2013) seorang pejuang yang menentang dasar Apartheid yang menindas rakyat kulit hitam di Afrika Selatan.

### *Sorotan literatur*

#### ***Kebangkitan Suu Kyi di pentas politik Myanmar: Born to be a leader***

Aung San Suu Kyi merupakan antara figura politik wanita yang menjadi simbol perjuangan rakyat Burma/Myanmar untuk bebas dari pemerintahan junta dan beliau merupakan anak kepada Jeneral Aung San yang juga dikenali sebagai “the founder of Burma” yang berjuang untuk kemerdekaan Burma dari penjajahan British namun tidak sempat untuk melihat Burma merdeka lantaran beliau terbunuh dalam satu serangan yang dilakukan oleh musuh politiknya pada tahun 1948 (Tan, 2014). Suu Kyi menetap di luar negara selepas mengikut ibunya, Daw Khi Kyi dilantik menjadi duta ke India pada tahun 1960 sebelum kemudiannya menyambung pengajian dalam bidang Falsafah, Politik dan Ekonomi di Universiti Oxford pada tahun 1964. Suu Kyi berkahwin dengan Michael Aris pada tahun 1971, suami kepada Suu Kyi merupakan seorang sarjana dan sejarawan Inggeris yang juga seorang penyelidik dalam bidang Sejarah Bhutan, Tibet dan Himalaya di Universiti Oxford (Pletcher, 2024).

Suu Kyi bersama dengan rakan sekutunya kemudian membentuk parti politik iaitu National League for Democracy (NLD) pada 24 September 1988 dan populariti Suu Kyi pada ketika itu berada di kemuncak apabila majoriti besar rakyat Burma memberikan sokongan kepada Suu Kyi dan pihak junta Burma sedar bahawa sosok Aung San Suu Kyi ini tidak boleh dipandang ringan (Tan, 2014). Selama beberapa generasi, negara itu dipanggil Burma, sempena kumpulan etnik Burman yang dominan. Tetapi pada tahun 1989, setahun selepas pihak junta menjalankan pemerintahan secara kejam dan menindas kumpulan pro-demokrasi Burma, pemimpin tentera tiba-tiba menukar nama Burma kepada Myanmar (Kim and Kim, 2021).

Suu Kyi menerima Hadiah Nobel Keamanan pada tahun 1991 atas perjuangannya dalam usaha mengembalikan semula demokrasi di Myanmar tanpa menggunakan keganasan dan untuk itu juga beliau dikenali sebagai Ikon Hak Asasi oleh masyarakat antarabangsa. Mengapakah Suu Kyi begitu disayangi dan dihormati oleh rakyat Myanmar adalah disebabkan pengorbanan beliau yang enggan meninggalkan Myanmar untuk kembali ke England bagi melawat suaminya yang tenat akibat penyakit kanser pada tahun 1999 (Selth, 2017). Suu Kyi sedar sekiranya dia meninggalkan Myanmar, pihak junta tidak akan membenarkannya lagi untuk kembali dan oleh kerana rasa tanggungjawab dan cintanya terhadap rakyat Myanmar maka Suu Kyi tetap teguh dengan pendiriannya (Labour Lords Web Portal, 2022) dan pada akhirnya suami Suu Kyi meninggal dunia tanpa sempat bertemu dengan isterinya pada 27 Mac 1999. Sebelum itu, Michael Aris telah mengemukakan petisyen yang dihantar kepada pihak junta Myanmar untuk bertemu dengan isterinya, Suu Kyi buat kali terakhir namun petisyen tersebut ditolak (Pletcher, 2024).

Parti NLD pimpinan Suu Kyi telah memenangi pilihanraya Myanmar yang diadakan pada tahun 1990 dengan menguasai 81% kerusi Parlimen Myanmar namun kemenangan tersebut tidak diiktiraf dibawah undang-undang SLORC (State Law & Order Restoration Council). Suu Kyi diangkat sebagai Kaunselor Negara selepas parti NLD pimpinannya memperolehi majoriti besar dalam pilihanraya pada tahun 2015 dan ia merupakan permulaan kepada kejatuhan reputasi Suu Kyi sebagai Ikon Demokrasi & Hak Asasi setidaknya di mata masyarakat antarabangsa (Selth, 2017).

Aung San Suu Kyi yang menjadi simbol kepada perjuangan rakyat Myanmar dalam usaha tanpa henti menuntut suara rakyat yang sekian lama mendambakan demokrasi didengar di bumi mereka sendiri. Perjuangan ini tidak pernah terhenti atau dilupakan oleh sesiapa pun baik oleh kalangan rakyat Myanmar mahupun Aung San Suu Kyi sendiri. Veronica Lowe yang juga merupakan Presiden Persatuan Alumni Kolej St Hugh's pernah menulis profil berkaitan Aung San Suu Kyi sempena ucap tama yang disampaikan oleh Suu Kyi di Universiti Oxford pada tahun 2012, dan dalam kandungan profil tersebut Lowe menyebut bahawa Suu Kyi memberitahu suaminya yang dia akan kembali ke Burma apabila tiba masanya untuk berbakti kepada rakyat Burma. Pernyataan tersebut sekaligus membuktikan betapa puteri Jeneral Aung San ini mempunyai semangat cinta akan tanahair yang sangat mendalam serta menyedari tanggungjawab besar yang menantinya.

Peristiwa rampasan kuasa yang dilakukan oleh pihak tentera pada tahun 1962 menandakan bermulanya pemerintahan kuku besi junta di Myanmar. Pihak tentera dibawah pemerintah tertinggi tentera iaitu Jeneral Ne Win telah melaksanakan pemerintahan yang sangat ketat kerana ingin mengawal rakyat Burma ketika itu. Pada 23 Julai 1988, Jeneral Ne Win mengumumkan bahawa beliau meletakkan jawatan dan satu referendum mengenai masa depan politik negara akan diadakan. Rakyat Burma

percaya pada akhirnya mereka akan dapat bersuara dan dengan itu mampu untuk menentukan sendiri masa depan mereka.

Aung San Suu Kyi lantang menentang pembunuhan penunjuk perasaan tanpa kekerasan di jalanan oleh junta Burma yang ketika itu berusaha untuk memastikan kekuasaan tentera tetap bertahan biarpun berhadapan dengan tentangan daripada rakyat. Aung San Suu Kyi bersuara keras mengkritik pihak junta pada ketika tentera secara berterusan melakukan pencabulan hak asasi manusia, ugutan, dan penindasan terhadap rakyat Burma (Silverstein, 1990). Situasi seterusnya semakin memburuk apabila pihak junta mula menghalakan tindakan kekerasan mereka ke atas Aung San Suu Kyi dan juga para pengikutnya. Aung San Suu Kyi menyeru usaha damai harus digerakkan dalam menghentikan kekerasan oleh pihak junta yang kejam terhadap rakyat dan juga mencadangkan agar satu pilihanraya yang bebas untuk memilih kerajaan Burma yang baru.

Namun begitu biarpun parti NLD pimpinan Aung San Suu Kyi memenangi pilihanraya umum pada tahun 1990, kemenangan tersebut dinafikan oleh pihak junta. Tetapi tidak syak lagi bahawa Aung San Suu Kyi terus membayangi penguasa tentera yang bermati-matian mencari jalan untuk menghalang wakil rakyat daripada mengambil kerusi mereka dalam Pyithu Hluttaw (perhimpunan kebangsaan) yang telah dibentuk semula dan menyaksikan mereka telah dipilih dan mempunyai hak mutlak membentuk kerajaan yang sah selepas pilihanraya (Silverstein, 1990). Pada saat Aung San Suu Kyi mengambil keputusan terjun ke arena politik, Suu Kyi secara lantang melontarkan kritiknya kepada pihak tentera yang menguasai kerajaan dan mencabar pihak junta kerana menafikan hak rakyat Burma yang seharusnya dinikmati dan dihormati tatkala Burma mencapai kemerdekaan daripada kolonial British pada tahun 1948 (Silverstein, 1996).

Sebagai anak perempuan kepada pemimpin Burma, Aung San yang juga disebut sebagai “the Founder of Burma” yang membawa negara ke ambang kemerdekaan pada tahun 1947 namun pada akhirnya dibunuh sebelum sempat mencapai matlamat itu, Aung San Suu Kyi nampaknya telah mengambil peranan mendiang ayahnya dan bersedia untuk memimpin perjuangan kedua Burma untuk kebebasan namun ironinya kali ini menentang kumpulan tentera ciptaan ayahnya sendiri (Silverstein, 1996). Aung San Suu Kyi sendiri pernah menyebut “that Burma is in an unfinished renaissance” (Nichols, 1997) dan mempunyai impian besar untuk meneruskan usaha ayahnya. Aung San Suu Kyi berhasrat untuk merealisasikan harapan ayahnya untuk menyatukan seluruh Burma dengan pendekatannya yang tersendiri (Nichols, 1997).

Aung San Suu Kyi meninggalkan keluarganya di UK dan juga meninggalkan kehidupan akademiknya yang menjanjikan masa depan jauh lebih baik apabila dia memutuskan untuk memulakan usaha dalam menuju jalan demokrasi dalam menuntut kebebasan untuk rakyat Burma, usaha yang telah dimulakan oleh ayahnya namun terhenti setelah kematian ayahnya akibat dibunuh (Mon Myat, 2019).

*“When I arrived in Rangoon to take care of my mother, my only intention regarding politics was to start several libraries in my father’s memory.” – Aung San Suu Kyi.*

(Pederson, 2015)

Petikan di atas merupakan respon Suu Kyi apabila ditanya apa yang difikirkannya tatkala menjejakkan kaki kembali ke Burma pada tahun 1988. Amat jelas pada waktu itu, kepulangan puteri Jeneral Aung San ini hanya memikirkan untuk menjaga ibunya

yang ketika itu terlantar akibat diserang strok. Aung San Suu Kyi juga mempunyai perancangan untuk memulakan usaha membuka perpustakaan yang memuatkan bahan pembacaan melibatkan mendiang ayahnya. Suu Kyi sebenarnya banyak menulis artikel untuk mendokumentasikan kisah perjuangan ayahnya dalam menuntut kemerdekaan daripada kuasa kolonial British dan pada waktu itu Suu Kyi masih tinggal di luar negara.

Sebelum kemunculan Suu Kyi, berita mengenai Burma di pentas antarabangsa kurang diketahui atau didengari. Walaupun kisah perjuangan menentang kuasa junta ini telah pun bermula sejak lama dahulu namun kisah tersebut seolah tidak menerima impak yang signifikan daripada kalangan masyarakat luar Burma. Pada tahun 1988 dan 1989, berita televisyen lebih bertumpu di negara maju, namun di negara seperti Myanmar, hanya terdapat purata 0.2 set TV untuk setiap 100 orang penduduk dan siaran televisyen dikawal oleh kerajaan junta (Cukingnan, 2013). Suu Kyi semakin menjadi ancaman kepada junta tentera sehingga dia diletakkan di bawah tahanan rumah pada 20 Julai 1989. SLORC tidak akan menghantarnya ke penjara Insein kerana dia dihormati di kalangan orang ramai sebagai anak perempuan Jeneral Aung San dan sebarang tindakan keras yang diambil terhadapnya boleh mengakibatkan bantahan besar-besaran yang tidak terkawal (Cukingnan, 2013).

Pada Julai 1995 secara tiba-tiba Aung San Suu Kyi dibebaskan dari hukuman tahanan di rumah dan ramai percaya tindakan ini adalah didorong oleh faktor kerisauan pihak junta terhadap impak yang akan diterima sekiranya Suu Kyi masih terus ditahan. Pihak junta mengumumkan tahun 1995-1996 sebagai Tahun Melawat Myanmar dan pembebasan Suu Kyi diharapkan mampu untuk meningkatkan lagi sektor pelancongan negara tersebut. Suu Kyi menggunakan pembebasannya untuk kembali berhubung dengan dunia luar dan ucapan yang disampaikan Suu Kyi menerusi rakaman video dalam Fourth World Conference on Women pada tahun 1995 di Beijing menarik perhatian Wanita Pertama Amerika Syarikat ketika itu, Hillary Clinton (Pederson, 2015).

*“The regaining of my freedom has in turn imposed a duty on me to work for the freedom of other women and men in my country who have suffered far more and who continue to suffer far more than I have. It is this duty which prevents me from joining you today.”*

(Kyi, 1995)

Sikapnya yang tenang telah memikat hati para peserta dari seluruh dunia, dan kebanyakannya tidak pernah melihat atau mendengarnya berucap sebelum ini. Aung San Suu Kyi ternyata berjaya mencuri perhatian perwakilan persidangan dan selepas ini dengan sokongan daripada Hillary Clinton dan juga Duta Besar Amerika Syarikat ke PBB, Madeleine Albright, kisah perjuangan Suu Kyi dan rakyat Myanmar akhirnya menjadi antara sorotan berita utama yang menghiasi media massa di peringkat antarabangsa. Selepas mendengar ucapan Aung San Suu Kyi dalam persidangan yang diadakan di Beijing, Hillary Clinton dan Madeleine Albright, menandatangani poster persidangan untuk dihantar sebagai hadiah kepada Suu Kyi. Hillary Clinton dan Madeline Albright merupakan alumni Wellesley, satu institusi yang menggalakkan pelajar wanitanya menjadi agen perubahan. Kini kedua-duanya menjadi pendokong utama Aung San Suu Kyi.

Sebelum itu, seorang rakan lama Hillary Clinton yang bernama Kwan Kwan Wang telah meminta bantuan daripada First Lady itu sejeurus selepas perlantikan suaminya, Bill Clinton sebagai presiden Amerika Syarikat untuk membantu rakyat Burma dalam perjuangan mereka menuntut hak demokrasi dikembalikan semula kepada rakyat. Hillary Clinton bersetuju dan ternyata memegang janjinya itu. Sosok Suu Kyi pantas menjadi tumpuan media antarabangsa sekaligus membantu membuka mata masyarakat antarabangsa terhadap kehidupan rakyat Burma yang hidup dibawah telunjuk dan kawalan junta.

Aung San Suu Kyi menyatakan percanggahan antara agama Buddha dan pemerintahan diktator bermula dengan persoalan tentang fitrah manusia. Dalam agama Buddha, Suu Kyi berpendapat adalah wajar meletakkan nilai tertinggi kepada manusia yang diyakini mempunyai keupayaan untuk mencapai kedudukan tertinggi Buddhisme (Kyi, 2021). Sekiranya manusia dikurniakan akal dan mempunyai keupayaan semula jadi untuk merealisasikan potensinya, maka sistem politik dan persekitaran sosial mesti membenarkan kebebasan kepada individu untuk mengejar tujuan itu. Bagi Suu Kyi, hanya dalam masyarakat demokratik manusia boleh benar-benar melaksanakan dan mengecapi kebebasannya. Demokrasi merupakan satu sistem yang mengakui dan mengangkat hak untuk berbeza pendapat serta kewajipan untuk menyelesaikan sebarang perbezaan secara aman (Tan, 2014).

Selain daripada dikenal sebagai penganut Buddha yang taat, Aung San Suu Kyi juga merupakan pemimpin yang sangat menghormati Mahatma Gandhi malahan menjadikan perjuangan ikon kemerdekaan India itu sebagai “role model” (Tan, 2014). Aung San Suu Kyi mempunyai kepercayaan yang sangat mendalam terhadap konsep anti keganasan atau ahimsa yang juga merupakan satu falsafah yang diperkenalkan oleh Vardhamana Jnatraputra, seorang pemimpin rohani India (yang hidup antara 497-425 SM) dan dikenali sebagai Mahavira atau 'Wira Besar' oleh murid-muridnya (Kyi, 2009). Adalah diyakini bahawa Aung San Suu Kyi mempunyai perasaan yang sama tentang kepentingan ahimsa atau tanpa kekerasan dan bagaimana sebarang perubahan kepada demokrasi mesti dilakukan dengan cara yang aman (Kyi, 2009).

## **Instrumen dan Metod Kajian**

Kajian kualitatif ini dengan menggunakan analisis sejarah bertujuan untuk menganalisis dinamika fenomena kebangkitan dan kejatuhan Aung San Suu Kyi dengan fokus utama adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mengakibatkan peristiwa tersebut berlaku. Selain daripada itu, pengkaji turut ingin mengenalpasti impak daripada peristiwa ini terhadap Myanmar serta masyarakat antarabangsa. Pengkaji menggunakan sumber primer dan sumber sekunder dalam proses pengumpulan data. Sumber primer diperolehi daripada sumber seperti laporan oleh Human Rights Council (agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) yang berkaitan dengan situasi terkini yang berlaku di negara Myanmar terutama selepas peristiwa rampasan kuasa oleh pihak junta pada tahun 2021. Selain daripada itu, pengkaji turut menganalisis sumber sekunder yang diperolehi daripada artikel penyelidikan yang berkaitan dengan Aung San Suu Kyi serta buku autobiografi yang ditulis berkaitan perjuangan beliau sebagai ikon demokrasi Myanmar dan juga mengkaji legasi Aung San Suu Kyi dengan menekankan usahanya untuk meneruskan aspirasi ayahnya, Jeneral Aung San, dan peranan pentingnya dalam arena politik Myanmar. Metode analisis dalam penyelidikan ini memfokuskan kepada analisis kritikan sumber terhadap sumber-sumber yang diperolehi dalam merungkai

sejarah berkaitan perjalanan perjuangan emansipasi yang digerakkan oleh Aung San Suu Kyi lebih tiga dekad yang lalu dan seterusnya diangkat sebagai pejuang demokrasi oleh rakyat Myanmar dan juga masyarakat antarabangsa.

## Dapatan dan Perbincangan Kajian

### *Dari seorang ikon kini dianggap sebagai Pariah: Kejatuhan Suu Kyi sebagai ikon hak asasi manusia di mata masyarakat antarabangsa*

Tatkala berbicara mengenai hak asasi manusia, beberapa nama antaranya seperti Malala Yousafzai (Pakistan) mempunyai beban yang sama berat seperti yang dipikul oleh ikon bernama Aung San Suu Kyi. Dalam lebih dua dekad berdepan dengan tekanan daripada pihak junta Burma, Aung San Suu Kyi yang pada satu ketika dahulu pernah menjadi ketua pembangkang, mendapat penghormatan dan dikagumi di seluruh dunia. Hadiah Nobel Keamanan yang diterima oleh Suu Kyi pada tahun 1991 dan pada ketika itu beliau dikenakan hukuman tahanan di rumah merupakan pencapaian tertinggi yang dicapai beliau sebagai seorang aktivis hak asasi manusia. Namun secara perlahan-lahan aura Suu Kyi semakin memudar dan ini dapat dilihat selepas parti Suu Kyi terpilih menjadi anggota parlimen pada tahun 2012 dan pada tahun 2015 menyaksikan Suu Kyi dilantik sebagai Kaunselor Negara (Hossain, 2016; Selth, 2016).

Suu Kyi dilantik sebagai Kaunselor Negara pada tahun 2015, satu jawatan yang diwujudkan khusus untuk Suu Kyi disebabkan beliau tidak boleh dilantik sebagai Perdana Menteri atas alasan beliau berkahwin dengan orang luar (mending suami Suu Kyi, Michael Aris merupakan warganegara British). Selepas memegang jawatan tersebut, sedikit demi sedikit kredibiliti Suu Kyi sebagai ikon hak asasi manusia dan pejuang demokrasi terhakis sehingga beliau akhirnya mula menerima kritikan terutama sekali dari kalangan pemimpin dunia dan masyarakat antarabangsa. Kritikan ini tidak lain dan tidak bukan adalah disebabkan oleh sikap membisu Suu Kyi terhadap penindasan dan keganasan yang dilakukan oleh pihak junta Myanmar terhadap rakyat minoriti Rohingya. Para pemimpin negara luar dan masyarakat antarabangsa seakan tidak percaya akan tindakan Suu Kyi mewakili kerajaan negaranya sendiri dalam perbicaraan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Hague.

Dunia sedang menanti untuk Suu Kyi bersuara namun sehari selepas laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyimpulkan bahawa pembunuhan beramai-ramai telah berlaku di Myanmar di bawah pengawasannya, Aung San Suu Kyi menggunakan penampilan awam pertama di Universiti Yangon hanya untuk membincangkan puisi dan sastera sekembalinya beliau dari menghadiri perbicaraan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa. Dalam satu artikel yang diterbitkan secara atas talian iaitu nytimes.com pada tahun 2019, tulisan Simons & Beech berbunyi:

*“Her statement at the International Court of Justice in The Hague capped a jarring turnabout, decades in the making, for Ms Aung San Suu Kyi, from a champion of human rights and democracy to an apparent apologist for brutality. She won the Nobel Peace Prize in 1991 for her ramrod resistance to the former military dictatorship that held her under house arrest for 15 years”*

(Simons and Beech, 2019)

David Mathieson dari Human Rights Watch menyifatkan kegagalan Suu Kyi untuk bersuara dalam membela rakyat minoriti Rohingya sebagai membingungkan masyarakat

antarabangsa yang berterusan meletakkannya sebagai ikon hak asasi manusia. Setiap kali isu penganiayaan Rohingya timbul, ia disambut dengan ketiadaan tindakan inklusif daripada Suu Kyi dan sikap berdiam diri seperti itu hanya menghalalkan pembersihan etnik Rohingya (Hossain, 2016). Pada satu ketika, sebelum berada dalam kerajaan, Suu Kyi seringkali menyeru pemimpin dunia dan masyarakat antarabangsa untuk terus memberikan tekanan terhadap kerajaan junta Myanmar. Kekejaman dan penindasan yang dilakukan oleh kerajaan junta merupakan punca utama kepada segala kekacauan yang berlaku di Myanmar (Selth, 2013a).

Seperti yang dinyatakan oleh Andrew Selth dalam artikelnya iaitu “Will Aung San Suu Kyi be a President of Burma?” dan diterbitkan pada tahun 2013, beliau menyatakan bahawa meramalkan masa depan Burma sentiasa merupakan langkah yang berisiko tetapi apabila melihat di hadapan terdapat dua senario yang mungkin muncul. Satu senario mencerminkan harapan berjuta-juta orang di dalam dan di luar negara dan senario kedua pula adalah mencerminkan ketakutan mereka (Selth, 2013a). Peralihan kerajaan kepada bentuk pentadbiran sistem demokrasi tulen tidak akan dapat dilaksanakan tanpa persetujuan dan sokongan daripada pihak angkatan tentera. Suu Kyi juga tidak boleh menjadi presiden tanpa pindaan perlembagaan yang diperakui oleh blok tentera di parlimen (Selth, 2013b).

### ***Sebelum dan selepas peristiwa rampasan kuasa Februari 2021: Harapan rakyat Myanmar terhadap Aung San Suu Kyi***

Junta Myanmar mengejutkan dunia pada 1 Februari 2021 dengan melakukan rampasan kuasa secara tiba-tiba, menyekat peralihan demokrasi negara dan telah mencetuskan protes besar-besaran yang membawa kepada tindakan keganasan pihak junta terhadap rakyat Myanmar. Jeneral Min Aung Hlaing mengatakan langkah yang diambil pihak junta adalah berdasarkan kepada perlembagaan dan mendakwa telah berlakunya penipuan dalam pilihan raya umum yang diadakan pada November 2020 yang menyaksikan Parti Liga Kebangsaan untuk Demokrasi (NLD) pimpinan Suu Kyi mendapat undi majoriti dalam keputusan pilihanraya yang disebut “landslide victory” sekaligus menewaskan parti yang disokong tentera iaitu USDP (Union Solidarity and Development Party). USDP telah mengajukan bantahan kepada UEC (Union Election Commission) dan meminta untuk diadakan pilihanraya sekali lagi dengan kerjasama pihak tentera. UEC menolak permintaan USDP dan menyatakan pihak UEC berpuas hati dengan perjalanan pilihanraya Myanmar serta rakyat Myanmar telah membuat pilihan. Tidak berapa lama kemudian, pihak junta dengan sesuka hati melakukan pencabulan terhadap pilihan rakyat dan mengheret Myanmar kembali kepada corak pemerintahan diktator dibawah tentera.

Suu Kyi dan barisan kerajaannya ditahan atas tuduhan penipuan dalam pilihanraya. Tuntutan ini sebenarnya tidak mempunyai asas bukti yang kukuh dan penahanan pemimpin utama NLD, Aung San Suu Kyi serta presiden, Win Myint telah mencetuskan kemarahan dalam kalangan rakyat Myanmar. Kerajaan yang ada kini merupakan kerajaan yang bukan dipilih oleh rakyat dan pihak junta bergelut untuk berhadapan dengan gelombang kebangkitan rakyat. Kerajaan luar (sebahagian besarnya Barat) mengancam untuk mengenakan sekatan dan menghukum pihak junta yang sekali lagi mencabuli proses demokrasi Myanmar. Amerika Syarikat telah pun mengenakan beberapa sekatan. Sejurus selepas rampasan kuasa, Tatmadaw telah mendapat kritikan hebat daripada Amerika Syarikat dengan Presiden Joe Biden yang baru dilantik (Joe Biden mengangkat sumpah sebagai Presiden Amerika Syarikat ke-46 pada 20 Januari

2021) memberikan amaran bahawa sekatan ekonomi boleh dikembalikan di Myanmar dan menyatakan bahawa negaranya akan “bertahan bersama rakyat Burma dalam masa yang sukar ini” (Vernon, 2021).

Pada masa yang sama, G7 dan EU juga mengeluarkan kenyataan bersama mengutuk peristiwa rampasan kuasa itu dan menyifatkan tindakan tersebut sebagai tidak boleh diterima serta menghina demokrasi di Myanmar (Vernon, 2021). Berdasarkan kepada respon pantas para pemimpin dunia dalam isu terkait peristiwa rampasan kuasa oleh pihak junta yang menyaksikan tumbanganya Suu Kyi dan kerajaan pimpinannya menunjukkan bahawa sosok Suu Kyi masih dianggap penting disebalik kritikan terhadap beliau selama ini. Kuasa Asia yang lain turut menyatakan kebimbangan dan menyebut peristiwa rampasan kuasa tentera tersebut akan mengheret Myanmar kembali kepada situasi ketidakstabilan. Kerajaan luar yang mengenakan sekatan harus mengambil langkah dalam menasaskan pemimpin tentera yang melakukan rampasan kuasa dan melindungi rakyat Myanmar.

Kerajaan dari negara serantau yang menganggotai ASEAN harus mempertimbangkan langkah praktikal dalam melindungi kestabilan di rantau Asia Tenggara demi kebaikan bersama. Semua pihak harus bekerjasama untuk mencegah keganasan daripada menjadi semakin parah yang akan membawa kesan buruk terhadap demokrasi, kestabilan dan keselamatan rakyat Myanmar sendiri. Aung San Suu Kyi yang terkenal dengan panggilan “the Lady” tetap mendapat sokongan yang padu daripada majoriti rakyat Myanmar. Setiap hari mereka mengadakan demonstrasi aman dalam menuntut pihak junta untuk membebaskan Suu Kyi serta pemimpin kerajaan sah yang dipilih oleh rakyat.

Sementara itu, golongan minoriti berasa diketepikan hak mereka dalam sistem pilihanraya negara Myanmar dan seolahnya dipinggirkan dari sistem sosial masyarakat. Pengasingan itu paling jelas di negeri Rakhine, di mana kebanyakan etnik Rohingya tinggal dan selepas pengusiran lebih 700,000 daripada mereka pada 2017 tidak mempunyai peluang untuk mengundi. Penduduk etnik minoriti yang tinggal di Rakhine juga merasakan bahawa Aung San Suu Kyi telah mengecewakan mereka. Ramai penduduk etnik Rakhine kini memberikan sokongan mereka kepada kumpulan Tentera Arakan yang melakukan pemberontakan menentang kumpulan junta Myanmar.

Dalam satu artikel yang ditulis oleh Selth (2019) menyebut ‘operasi pembersihan’ kejam oleh pasukan keselamatan Myanmar terhadap penduduk Islam Rohingya di negeri Rakhine antara Oktober 2016 dan penghujung 2017 telah didokumentasikan secara meluas oleh kerajaan Myanmar dan organisasi antarabangsa. Pada tahun 2018, satu badan bebas dibawah PBB mengeluarkan laporan setebal 444 muka surat yang menerangkan secara terperinci kes pembunuhan, penyeksaan, serangan seksual dan pemusnahan harta benda oleh angkatan tentera (dikenali sebagai Tatmadaw) dan polis.

Isu yang melibatkan etnik Rohingya ini sudah lama menjadi isu di Myanmar (semenjak akta kewarganegaraan baru diperkenalkan di Burma pada tahun 1982) namun tiada tindakan yang inklusif pernah diambil untuk mengekang kebejatan yang dilakukan oleh pihak junta. Vernon (2021) dalam artikelnya iaitu “Democracy Must Be Defended: Reflecting on Myanmar’s Coup” membincangkan beberapa perkara penting terkait dengan peristiwa rampasan kuasa yang berlaku di Myanmar pada tahun 2021. Vernon merumuskan bahawa untuk meletakkan kesalahan sepenuhnya di bahu Aung San Suu Kyi atas isu melibatkan etnik Rohingya adalah lebih kepada tindakan yang berbau naratif gender kerana Aung San Suu Kyi merupakan seorang wanita.

Kecaman masyarakat antarabangsa termasuk para pemimpin dunia terhadap pendekatan berdiam diri Suu Kyi sehingga mengabaikan fakta penting iaitu kerajaan pimpinan Suu Kyi tidak mempunyai kapasiti undang-undang untuk mengambil sebarang tindakan kerana pihak tentera merupakan golongan yang kekal berkuasa khususnya dalam penggubalan undang-undang Myanmar. Aung San Suu Kyi malahan dijatuhkan hukuman penjara kerana parti NLD memenangi pilihanraya umum pada tahun 2020 dan itu merupakan siri pencabulan terkini terhadap hak demokrasi oleh pihak junta.

Pada September 2018, Aung San Suu Kyi telah dijemput untuk menyampaikan ucap-tama dalam satu forum di Singapura iaitu The 43rd Singapore Lecture: Myanmar's Democratic Transition: Challenges and Way Forward yang dianjurkan oleh ISERS Yusof Ishak Institute, Suu Kyi menggunakan peluang dalam acara tersebut untuk menyampaikan dan memberikan penerangan terhadap situasi yang berlaku di negaranya dan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan untuk memulihkan semula Myanmar. Aung San Suu Kyi menggunakan pendekatan berhati-hati setiap kali persoalan dikemukakan berkaitan etnik minoriti yang mendiami Rakhine dan juga persoalan yang melibatkan hubungan kerajaan pimpinannya dengan pihak junta.

Suu Kyi menjelaskan sebarang perubahan yang perlu dilakukan oleh kerajaannya haruslah menerusi usaha negosiasi dan perbincangan bersama dengan pihak junta yang mengawal 25% kerusi dalam dewan perwakilan. Memetik pernyataan Suu Kyi berkaitan dengan proses peralihan kuasa dari pemerintahan tentera kepada kerajaan demokrasi yang masih berlangsung di Myanmar dan juga cabaran berkaitan dengan reformasi ekonomi yang dilakukan oleh kerajaan pimpinannya, respon Suu Kyi menggambarkan harapan beliau untuk Myanmar yang lebih baik:

*“We want to do it in a way that will not hurt our people, we had enough unrest in Burma, we had enough trouble in our country, our people had suffered enough, we do not want to lead, we do not want to encourage the kind of revolutions that turned that country upside down, we will be patient but we will be persistent, we will do it within the framework of the rule of law.”*

(Kyi, 2018)

Suu Kyi juga turut menyatakan komitmen kerajaan pimpinannya untuk memastikan semua etnik minoriti Myanmar termasuk Rohingya diberikan peluang untuk turut sama memainkan peranan dalam membantu kerajaan membina semula Myanmar demi kemakmuran bersama. Oleh yang demikian, amat jelas fokus utama Suu Kyi adalah untuk membina semula negara dan rakyat Myanmar agar mampu mempunyai kualiti kehidupan jauh lebih baik memerlukan masa dan usaha yang berterusan. Pihak junta mungkin berfikir dengan meletakkan Suu Kyi sebagai perantara dalam membela kerajaan Myanmar sewaktu perbicaraan yang membabitkan tuduhan pembersihan kaum yang dilakukan oleh junta terhadap etnik minoriti Rohingya di Mahkamah Keadilan Antarabangsa akan mencalar reputasi Suu Kyi, jawapannya ya dan tidak. Reputasi Suu Kyi memang tercalar dan tindakan beliau mengundang kecaman dan kritikan masyarakat antarabangsa sehingga pada satu tahap terdapat suara yang meminta agar Hadiah Nobel Keamanan yang dimenangnya pada tahun 1991 ditarik semula. Dalam sekelip mata, Suu Kyi dijadikan musuh oleh kalangan yang kecewa dengan pendekatannya namun bagi mereka yang melihat isu ini dari perspektif yang lebih luas

mungkin sedar bahawa Suu Kyi tidak mempunyai kuasa mutlak biarpun beliau merupakan Kaunselor Negara Myanmar.

Keputusan pilihanraya umum pada November 2020 yang menyaksikan parti NLD terus diberikan mandat oleh rakyat untuk menjadi kerajaan bagi tempoh 5 tahun akan datang merupakan fakta yang membuktikan rakyat Myanmar terus meletakkan kepercayaan dan keyakinan terhadap kepimpinan Suu Kyi. Disebalik kecaman dan kritikan yang diterima Suu Kyi, rakyat Myanmar membuktikan keyakinan mereka terhadap puteri Aung San itu tetap kekal utuh. Parti NLD menguasai 396 kerusi (138 kerusi dalam House of Nationalities dan 258 kerusi dalam People's Assembly), keputusan yang dicatatkan adalah melebihi jumlah kerusi yang diperlukan untuk menang dengan majoriti iaitu 332 kerusi.

Masa depan Myanmar masih lagi menjadi tanda tanya sehingga sekarang tetapi sekiranya Myanmar kembali kepada pemerintahan yang berteraskan kepada perkongsian kuasa yang janggal antara pihak tentera yang tidak popular dan kerajaan yang dipilih rakyat, banyak cabaran dan masalah yang sedia ada akan terus kekal. Konflik pelbagai etnik akan berterusan dan risiko kehilangan hak asasi dalam kalangan rakyat yang tidak sanggup lagi hidup dibawah pemerintahan tentera dan kekejaman junta terhadap etnik minoriti Rohingya akan terus menjadi isu kemanusiaan yang tidak berkesudahan.

Satu penyelesaian yang tuntas amat diperlukan dan bukan sahaja akan menamatkan pemerintahan tentera tetapi juga menggantikan Perlembagaan 2008 dengan piagam yang menjadikan pihak tentera berada dibawah kawalan awam dan membolehkan proses pembinaan negara yang merangkumi etnik dan agama dapat dilaksanakan tanpa gangguan dan campur tangan. Usaha ini merupakan cabaran pada struktur kerajaan yang menuntut pencapaian keputusan yang melibatkan persetujuan tentera dan kerajaan yang dipilih menerusi pilihanraya dan memerlukan semangat keterbukaan yang luas agar perubahan ini mampu dicapai. Tetapi tanpa semangat keterbukaan oleh pihak junta untuk memberikan ruang dan peluang kepada kerajaan menjalankan pentadbiran, sekiranya pihak junta dibawah pimpinan Panglima Min Aung Hlaing kekal ego dan bongkak dengan kedudukannya maka Myanmar akan terus dibelenggu oleh masalah.

## **Kesimpulan**

Dalam pencarian demokrasi Myanmar, Aung San Suu Kyi berdiri sebagai satu figura paradoks yang mendalam. Dianggap suci kerana komitmennya yang teguh kepada penentangan bersifat bukan-kekerasan dan sebagai simbol harapan menentang pemerintahan militari yang bersifat menindas, perjalanan Aung San Suu Kyi dari satu simbol hak asasi manusia, kemudiannya menjadi pemimpin yang diliputi kontroversi menekankan kompleksiti kepemimpinan politik di sebuah negara yang berpecah. Keselarasannya dengan prinsip-prinsip Buddhisme yang menekankan nilai empati, kesatuan, dan keyakinan moral telah menandai gaya kepemimpinan yang melampaui batas agama dan budaya, menawarkan templet universal untuk perdamaian dan tadbir urus. Namun, kepemimpinan Aung San Suu Kyi juga mengangkat isu keterbatasan dan dilema etika dalam kekuasaan politik, terutama dalam cara beliau menangani krisis Rohingya, yang telah mencalar reputasinya dan mencabar persepsi komuniti antarabangsa terhadap kepemimpinannya.

Ketika Myanmar terus menavigasi laluan yang bergelora, dengan Aung San Suu Kyi masih lagi berada dalam tahanan, dan masa depan negara tersebut dalam ketidakpastian,

legasi Aung San Suu Kyi menuntut satu penilaian semula secara kritis terhadap idealisme vis-à-vis realiti kepemimpinan politik. Seruan yang pernah dibuat oleh Aung San Suu Kyi, *'Please use your liberty to promote ours,'* bergema bukan sahaja sebagai satu rayuan untuk memperolehi sokongan antarabangsa tetapi sebagai satu peringatan mendalam tentang perjuangan berterusan untuk mendapatkan kebebasan demokratik di seluruh dunia.

Dalam merenungkan kembali kebangkitan dan kejatuhan Aung San Suu Kyi, amatlah penting untuk mengiktiraf kepentingan visi awalnya untuk Myanmar-sebuah visi yang, meskipun penuh dengan kompromi dan kontroversi, terus memberi inspirasi kepada mereka yang mencari keadilan dan demokrasi. Kisah Aung San Suu Kyi bukan hanya satu naratif tentang kemenangan peribadi dan kesukaran yang dihadapi, tetapi ia merupakan cermin yang menunjukkan dilema tadbir urus moden, keseimbangan halus di antara prinsip dan pragmatisme, dan usaha berterusan bagi sebuah masyarakat di mana kebebasan dan martabat manusia dapat berkembang. Legasinya yang kompleks dan penuh kontroversi, bertindak sebagai satu pengajaran penting dalam berhadapan dengan cabaran hebat yang berterusan dalam mempertahankan hak asasi manusia dan nilai-nilai demokrasi.

## **Penghargaan**

Penyelidik merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan UMS, Universiti Malaysia Sabah atas peruntukan geran penyelidikan menerusi “UMSGreat” dengan Kod Projek GUG0626-1/2023.

## **Konflik Kepentingan**

Penulis mengesahkan tidak terdapat sebarang konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam penghasilan makalah ini.

## **RUJUKAN**

- [1] Cukingnan, N. (2013): *The Evolution of the Media in the Aung San Suu Kyi Saga, 1988-2013.* – Georgetown University 123p.
- [2] Hossain, A. (2016): *Ang San Suu Kyi's tragic silence over Rohingya.* – CNN Web Portal 8p.
- [3] Kim, T.H., Kim, H.J. (2021): *Myanmar, Burma and why the different names matter.* – The Associated Press 3p.
- [4] Kyi, A.S.S. (2018): *Aung San Suu Kyi: Myanmar democracy icon who fell from grace.* – BBC News Web Portal 15p.
- [5] Kyi, A.S.S. (1995): *The influence of Buddhism on her beliefs and actions.* – A Living Tradition Web Portal 10p.
- [6] Labour Lords Web Portal (2022): *In praise of Aung San Suu Kyi.* – Labour Lords Web Portal 4p.
- [7] Nichols, D.L. (1997): *In her own words: Aung San Suu Kyi as an organic intellectual addressing the context and content of dialogue in Burma in transition to democracy.* – Victoria University of Technology 83p.
- [8] Pederson, R. (2015): *The Burma Spring.* – Simon and Schuster 336p.
- [9] Pletcher, K. (2024): *Aung San Suu Kyi: Myanmar politician and opposition leader.* – Britannica Web Portal 6p.

- [10] Selth, A. (2019): Aung San Suu Kyi: Why defend the indefensible? – The Interpreter Web Portal 8p.
- [11] Selth, A. (2017): Aung San Suu Kyi and the politics of personality. – Griffith Asia Institute 24p.
- [12] Selth, A. (2016): Aung San Suu Kyi's fall from grace. – The Interpreter Web Portal 6p.
- [13] Selth, A. (2013a): Will Aung San Suu Kyi be President of Burma? – Interpreting Myanmar: A Decade of Analysis 4p.
- [14] Selth, A. (2013b): Aung San Suu Kyi's risky strategy. – The Interpreter Web Portal 7p.
- [15] Silverstein, J. (1996): The idea of freedom in Burma and the political thought of Daw Aung San Suu Kyi. – *Pacific Affairs* 69(2): 211-228.
- [16] Silverstein, J. (1990): Aung San Suu Kyi: Is She Burma's Woman of Destiny? – University of California Press 30(10): 1007-1019.
- [17] Simons, M., Beech, H. (2019): Aung San Suu Kyi defends Myanmar against Rohingya genocide accusations. – The New York Times Web Portal 9p.
- [18] Tan, P. (2014): Aung San Suu Kyi: A Leader Born, a Leader Made. – *Association for Asian Studies* 19(3): 5-11.
- [19] Vernon, P. (2021): Democracy Must Be Defended: Reflecting on Myanmar's Coup. – *E-International Relations* 8p.